



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KUCHING, 24 Ogos 2026 – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, hari ini merasmikan Inisiatif Sektor Penjagaan KPWKM di bawah Belanjawan MADANI 2026 serta melancarkan Kempen Penjagaan KPWKM. Majlis tersebut disertai kira-kira 300 peserta yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemain industri dan pemegang taruh sektor penjagaan.

Menerusi Belanjawan MADANI 2026, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerima peruntukan bagi memperkukuh pembangunan sektor penjagaan, termasuk pembangunan Piawaian Penjagaan Nasional dan pelaksanaan program latihan penjagaan. Inisiatif ini merupakan langkah strategik Kerajaan untuk membangunkan ekosistem penjagaan yang lebih tersusun, berkualiti, profesional dan mampan, selaras dengan keperluan semasa serta perubahan demografi negara.

Menurut YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, agenda penjagaan tidak lagi boleh dilihat sebagai tanggungjawab keluarga atau satu Kementerian semata-mata, sebaliknya perlu digerakkan sebagai agenda nasional yang melibatkan Kerajaan, komuniti, sektor swasta, penyedia perkhidmatan dan masyarakat secara menyeluruh.

Keperluan untuk memperkukuh ekosistem penjagaan ini semakin penting berikutan perubahan demografi negara. Malaysia dijangka memasuki fasa negara tua menjelang 2036 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas melebihi 15 peratus daripada keseluruhan penduduk. Perubahan tersebut dijangka memberi implikasi terhadap struktur keluarga, pasaran pekerjaan, sistem kesihatan, perlindungan sosial serta keperluan penjagaan jangka panjang.

“Penjagaan bukan sekadar soal kebajikan. Ia merupakan sebahagian daripada pembangunan sosial dan ekonomi negara kerana sistem penjagaan yang baik dapat menyokong kesejahteraan keluarga, penyertaan tenaga kerja, produktiviti dan daya tahan ekonomi,” katanya.

Sehubungan itu, KPWKM turut memberi penekanan kepada pembangunan tenaga penjagaan yang berkemahiran bagi memastikan perkhidmatan penjagaan dapat disediakan secara berkualiti, selamat dan profesional. Selaras dengan Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026–2030, KPWKM menyasarkan untuk melahirkan 50,000 penjaga berkemahiran menjelang 2030.

Usaha tersebut bukan sahaja bertujuan memenuhi keperluan tenaga kerja dalam sektor penjagaan, malah berpotensi membuka lebih banyak peluang pekerjaan, keusahawanan dan laluan kerjaya profesional. Pada masa yang sama, pengukuhan sektor penjagaan dapat menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi negara dengan menyokong keluarga serta membolehkan lebih ramai individu, khususnya wanita, terus menyertai dan kekal dalam pasaran pekerjaan.

Dalam memperkukuh budaya penjagaan dalam masyarakat, KPWKM pada majlis yang sama turut melancarkan Kempen Penjagaan KPWKM bertemakan “Ilmu Menjaga, KASIH Dirasa”. Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran bahawa penjagaan berkualiti perlu berasaskan ilmu, kemahiran dan nilai kemanusiaan.

Tema tersebut mengangkat nilai KASIH, iaitu Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu serta Harmoni, sebagai nilai yang perlu diterapkan dalam amalan penjagaan di peringkat keluarga, komuniti dan masyarakat.

Melalui gagasan “Kita Sama Jaga”, KPWKM menyeru agar tanggungjawab penjagaan dilaksanakan secara bersama dengan setiap pihak memainkan peranan masing-masing. Kerajaan berperanan menyediakan dasar dan ekosistem yang kondusif, komuniti memperkukuh jaringan sokongan, keluarga memainkan peranan utama dalam penjagaan, manakala setiap individu menyumbang mengikut peranan dan kemampuan masing-masing. KPWKM yakin pendekatan secara bersama ini dapat membentuk ekosistem penjagaan yang lebih inklusif dan mampan, di samping memastikan keperluan individu yang memerlukan penjagaan dapat dipenuhi secara lebih menyeluruh.

Kementerian akan terus memperkukuh ekosistem penjagaan negara melalui penggubalan dasar, pembangunan kapasiti serta kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi memastikan keluarga terus disokong, wanita dapat kekal produktif, penjaga dihargai dan individu yang memerlukan penjagaan dapat menjalani kehidupan dengan selamat, bermaruah dan sejahtera.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff; ketua-ketua jabatan; serta pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi Kementerian.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
24 OGOS 2026